



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA OGOS 2024

Perdagangan Malaysia berkembang kukuh pada Ogos 2024 dengan nilai RM252.7 bilion, didorong oleh peningkatan eksport 12.1 peratus dan import 26.2 peratus

PUTRAJAYA, 19 SEPTEMBER 2024 – Dipacu oleh ekonomi global yang semakin berkembang, perdagangan Malaysia terus mencatat pertumbuhan dua angka pada Ogos 2024. Jumlah dagangan meningkat 18.6 peratus daripada RM213.0 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM252.7 bilion. Prestasi ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan import 26.2 peratus, dengan nilai RM123.5 bilion dan eksport 12.1 peratus, dengan nilai RM129.2 bilion pada Ogos 2024 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, OGOS 2024**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan prestasi eksport Malaysia meningkat pada Ogos 2024 seiring dengan peningkatan eksport domestik (82.3% daripada jumlah eksport), meningkat 15.5 peratus kepada RM106.4 bilion. Sebaliknya, eksport semula (17.7% daripada jumlah eksport), susut 1.2 peratus berbanding Ogos 2023 kepada RM22.8 bilion.

Sementara itu, import bernilai RM123.5 bilion, meningkat 26.2 peratus. Lebihan dagangan menurun 67.3 peratus kepada RM5.7 bilion, lebihan bulan ke-52 berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding Julai 2024, eksport, import, jumlah dagangan dan imbalan dagangan masing-masing mencatatkan penurunan 1.5 peratus, 1.0 peratus, 1.2 peratus dan 11.5 peratus.

Melihat dari sudut kumpulan barangan, 169 daripada 259 kumpulan eksport dan 197 daripada 259 kumpulan import menunjukkan peningkatan berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Bilangan transaksi yang diproses oleh DOSM pada Ogos 2024 mencecah 5.2 juta, mencatatkan bilangan tertinggi pernah diproses.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menekankan bahawa eksport yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya ke Amerika Syarikat (+RM6.1 bilion), diikuti oleh Taiwan (+RM2.3 bilion), Singapura (+RM2.1 bilion), Indonesia (+RM1.5 bilion), Kesatuan Eropah (+RM819.4 juta), Hong Kong (+RM738.6 juta) dan China (+RM708.2 juta). Selain itu, import yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya dari Amerika Syarikat (+RM8.3 bilion), diikuti oleh China (+RM5.5 bilion), Taiwan (+RM3.0 bilion), Indonesia (+RM1.2 bilion), Jepun (+RM1.1 bilion), Kesatuan Eropah (+RM1.0 bilion) dan Korea Republik (+RM652.8 juta).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, kenaikan ini sejajar dengan peningkatan dalam barangan elektrik & elektronik (+RM7.1 bilion); keluaran perkilangan lain (+RM2.3 bilion); minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan kelapa sawit (+RM1.1 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM1.1 bilion); barangan optik & saintifik (+RM961.7 juta); kimia & bahan kimia (+RM820.0 juta); dan produk getah (+RM781.5 juta). Tambahan pula, peningkatan import dicatatkan untuk barangan elektrik & elektronik (+RM13.7 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM2.4 bilion); keluaran pertanian lain (+RM2.3 bilion); kimia & bahan kimia

(+RM1.6 bilion); barangan perkilangan logam (+RM963.1 juta); dan bijih logam dan serpihan logam (+RM692.6 juta).

Selanjutnya, Ketua Perangkawan Malaysia juga memaklumkan pertambahan import mengikut Penggunaan Akhir adalah seiring dengan permintaan yang lebih tinggi bagi barangan perantaraan, barangan modal dan barangan penggunaan. Import barang perantaraan (58.5% daripada jumlah import), bernilai RM72.3 bilion, mencatatkan peningkatan 40.4 peratus atau RM20.8 bilion berbanding Ogos 2023. Barangan modal (12.1% daripada jumlah import) bernilai RM14.9 bilion, meningkat 39.6 peratus. Barangan penggunaan (8.4% daripada jumlah import), meningkat 21.2 peratus daripada RM8.5 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM10.3 bilion.


Jumlah dagangan, eksport dan import bagi tempoh Januari hingga Ogos 2024 mencatatkan peningkatan. Jumlah dagangan meningkat 10.9 peratus, daripada RM1.7 trilion kepada RM1.9 trilion, sejajar dengan peningkatan dalam eksport (+6.0%) serta import (+16.8%). Sebaliknya, lebih dagangan berkurang 49.2 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2023 mencatatkan nilai RM78.2 bilion.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2023 – Ogos 2024 (Nilai)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2023 – Ogos 2024
(Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 3: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2020 – 2024 (Jan-Ogos)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), Jan 2023 – Ogos 2024
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), 2020 – 2024 (Jan-Ogos)



Jadual 1: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Pertumbuhan Eksport

KETERANGAN KOMODITI	2023	2024	2024	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	OGO	JUL	OGO		NILAI	%
	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA		RM JUTA	
Jumlah	115,181	131,117	129,159	100.0	13,978	12.1
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	43,285	51,697	50,427	39.0	7,142	16.5
Minyak Kelapa Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Kelapa Sawit	5,610	7,646	6,672	18.9	1,062	18.9
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	4,966	5,900	6,019	4.7	1,053	21.2
Barangan Optik & Saintifik	4,344	5,149	5,306	4.1	961.7	22.1
Kimia & Bahan Kimia	5,995	6,304	6,815	5.3	820.0	13.7

Jadual 2: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Pertumbuhan Import

KETERANGAN KOMODITI	2023	2024	2024	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	OGO	JUL	OGO		NILAI	%
	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA		RM JUTA	
Jumlah	97,850	124,716	123,491	100.0	25,641	26.2
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	29,655	43,182	43,360	270.7	13,705	46.2
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	7,406	11,711	9,834	61.4	2,428	32.8
Kimia & Bahan Kimia	8,257	9,180	9,888	61.7	1,631	19.8
Barangan Perkilangan Logam	5,302	6,498	6,265	39.1	963.1	18.2
Bijih Logam & Serpihan Logam	1,258	1,605	1,950	12.2	692.6	55.1

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

19 SEPTEMBER 2024